

## BERSAMA-SAMA KITA TUNAIKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK NEGARA

### 1. e-PERMOHONAN PINDAAN BE

Jika anda **terlebih lapor pendapatan** atau **terkurang tuntutan pelepasan** dalam e-BE yang telah dihantar, anda boleh membuat pindaan melalui e-Permohonan Pindaan BE.

Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Borang cukai asal dihantar secara e-Filing (Borang e-BE).
- ii. Borang e-BE dihantar dalam tempoh (tidak lewat).
- iii. e-Permohonan Pindaan BE hanya boleh dihantar sekali dalam sahaja tahun taksiran tersebut.
- iv. Dokumen sokongan perlu dimuat naik mengikut format yang ditetapkan dalam ruangan yang telah disediakan.

e-Permohonan Pindaan BE bagi e-BE Tahun Taksiran 2020 boleh diakses mulai 1 April 2021 melalui <https://mytax.hasil.gov.my/> > e-Filing.



### 2. BAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI

Piagam Pelanggan LHDNM menetapkan tempoh bayaran balik lebihan cukai adalah :

- i. **30 hari bekerja selepas penghantaran borang:** Bagi Borang Nyata dihantar secara e-Filing
- ii. **90 hari bekerja selepas penghantaran borang:** Bagi Borang Nyata dihantar secara pos atau serahan tangan

Prosedur pembayaran balik ini tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap dalam Borang Nyata.



### 3. PENYIMPANAN REKOD DAN PENYATA

Seksyen 82 dan 82A di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 memperuntukkan :

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula tahun terakhir borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

**Seksyen 82** - Individu yang menjalankan perniagaan  
**Seksyen 82A** - Individu yang tidak menjalankan perniagaan.

Maklumat lanjut berhubung penyimpanan rekod boleh dirujuk di Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Perundangan > Ketetapan Umum Bil. 5/2000.

### 4. WAKTU OPERASI LHDNM

Bagi waktu operasi terkini LHDNM, anda digalakkan untuk merujuk kepada Kenyataan Media LHDNM atau melalui Portal Rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > **Hubungi Kami** > **Panggilan** > pilih waktu operasi yang berkaitan.

### 5. TAKSIRAN BERASINGAN ATAU TAKSIRAN BERSAMA

Suami / isteri yang mempunyai jumlah pendapatan yang tinggi, disarankan memilih taksiran **BERASINGAN** kerana masing-masing mendapat pelepasan diri sebanyak **RM9,000 setiap seorang** berbanding hanya mendapat sejumlah RM13,000 (RM9,000 sendiri dan RM4,000 pasangan) jika memilih taksiran bersama.

Pelepasan lain juga boleh dituntut secara berasingan. Bagi yang membuat pembelian insurans, lebih baik memilih taksiran berasingan kerana maksimum pelepasan individu adalah RM7,000 bagi insurans nyawa dan KWSP, manakala RM3,000 untuk insurans perubatan dan pendidikan.

Taksiran bersama adalah digalakkan bagi individu yang pasangannya **mempunyai pendapatan yang rendah atau tidak dikenakan cukai.**

### 6. EDUZONE

Eduzone – Gerbang Pendidikan Percukaian Anda merupakan sumber rujukan bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan program kesedaran dan pendidikan cukai. Ia juga mengandungi bahan publisiti yang dipaparkan di media massa dan media sosial LHDNM.

Eduzone boleh dilayari di Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) di bawah menu Pautan Pantas.